

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN SIMPANAN-I

Yang berikut adalah Terma dan Syarat Am dan Khusus yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun Simpanan-i dengan Bank.

Terma dan Syarat Am

1. Pembukaan Akaun

- 1.1 Saya/Kami dibenarkan untuk membuka akaun ini dan dengan ini memberikan butir-butir yang diperlukan untuk membuka akaun ini dan mengaku bahawa semua maklumat adalah betul. Saya/Kami mengaku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank mengenai apa-apa perubahan pada butir-butir peribadi saya/kami.
- 1.2 Saya/Kami mengaku bahawa saya/kami boleh memohon Akaun Simpanan-i dengan buku simpanan atau Akaun Simpanan-i tanpa buku (selepas ini dirujuk sebagai "Akaun Simpanan-i Berpenyata"). Saya/Kami boleh menukar Akaun Simpanan-i saya/kami dengan buku kepada Akaun Simpanan-i Berpenyata tertakluk pada kelulusan Bank.
- 1.3 Bagi Akaun Simpanan-i Berpenyata, buku simpanan tidak akan dikeluarkan dan e-Penyata boleh diakses melalui Perkhidmatan e-Perbankan Bank.

2. Deposit Dan Pengeluaran Wang

- 2.1 Bank boleh menentukan dan mengubah deposit minimum yang diperlukan untuk membuka akaun ini, amaun minimum yang didepositkan atau amaun minimum yang dikeluarkan pada satu-satu masa dan baki minimum yang mesti disimpan dalam akaun.
- 2.2 Walaupun perolehan daripada apa-apa cek atau instrumen boleh niaga lain yang didepositkan dalam akaun ditunjukkan sebagai kredit serta-merta, perolehan daripada instrumen berkenaan hanya digunakan apabila perolehan tersebut dibayar oleh bank pembayar dan dikreditkan dalam akaun. Sekiranya instrumen itu tidak laku atau terdapat pertikaian atau apa-apa tuntutan yang merugikan terhadap instrumen tersebut, saya/kami secara peribadi akan dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikannya dan Bank boleh mendebitkan akaun tersebut bagi jumlah butiran yang dipulangkan dan untuk apa-apa caj yang ditanggung.
- 2.3 Saya/Kami boleh mengeluarkan wang daripada akaun sehingga had yang Bank akan umumkan atau semak semula dan tertakluk pada baki yang terdapat dalam akaun. Akaun ini akan ditutup apabila kesemua baki yang ada dalam akaun itu dikeluarkan atau berikutan peruntukan undang-undang atau mengikut klausa 9.1 dalam ini.
- 2.4 Pengeluaran boleh dibuat oleh saya/kami sendiri atau 'Wakil yang Diberi Kuasa dengan Sewajarnya' oleh saya/kami seperti yang berikut:
 - 2.4.1 Bagi Akaun Simpanan-i dengan buku simpanan, apabila buku simpanan yang tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak berserta slip urus niaga pengeluaran yang diisi dengan sewajarnya dan pengenalan diri yang diterima oleh Bank dikemukakan; atau
 - 2.4.2 Bagi Akaun Simpanan-i Berpenyata, dengan mengisi slip urus niaga pengeluaran dan pengemukakan pengenalan diri yang diterima oleh Bank.

Seorang 'Wakil yang Diberi Kuasa dengan Sewajarnya' mesti memiliki Surat Kuasa Wakil daripada saya/kami yang didaftarkan dengan Bank. Surat tidak boleh dianggap sebagai pemberian kuasa yang sama dengan Surat Kuasa Wakil. **CEK TIDAK BOLEH DIKELUARKAN DARIPADA AKAUN SIMPANAN-I.**

3. Buku Simpanan

- 3.1 Amaun bagi urus niaga deposit dan pengeluaran akan dimasukkan dalam buku simpanan saya/kami. Saya/Kami perlu menyemak buku simpanan tersebut sebelum meninggalkan premis Bank untuk memastikan masukan yang betul telah dibuat.
- 3.2 Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank apabila buku simpanan ini dikemukakan adalah sama seperti yang dibuat kepada saya/kami sendiri. Bank akan ditanggung rugi dan tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh saya/kami atau mana-mana pihak lain bagi pembayaran yang dibuat oleh Bank.
- 3.3 Saya/Kami akan menyimpan buku simpanan ini di tempat yang selamat. Jika buku simpanan ini hilang, saya/kami akan memberitahu Bank dengan segera secara bertulis atau datang sendiri ke Bank. Apabila Bank menerima pemberitahuan bertulis itu, Bank akan membekukan akaun berkenaan. Saya/Kami bertanggungjawab atau akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian yang dialami sekiranya berlaku pengeluaran yang tidak sah atau tanpa keizinan daripada akaun tersebut sebelum Bank menerima pengesahan secara bertulis atau pemberitahuan daripada saya/kami sendiri mengenai kehilangan buku simpanan itu, sama ada disebabkan oleh kecuaiannya saya/kami. Bank akan mengenakan caj bagi setiap pengeluaran buku simpanan gantian dengan syarat saya/kami menandatangani borang tanggung rugi biasa Bank.

4. **Penyata**

- 4.1 Satu e-Penyata melalui Perkhidmatan e-Perbankan Bank disediakan setiap bulan atau pada kekerapan yang akan ditentukan oleh Bank. Sekiranya saya/kami menjadi pengguna Perkhidmatan e-Perbankan yang berdaftar dengan Bank dan telah mendaftar bagi Perkhidmatan e-Penyata, saya/kami boleh memuat turun penyata akaun dalam bentuk elektronik melalui laman web tersebut.
- 4.1.1 Saya/Kami bersetuju dan mengaku janji untuk menyemak dengan teliti semua masukan dalam e-Penyata dengan serta-merta dan melaporkan dengan segera kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan yang terdapat dalamnya. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh e-Penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkaitan dengan masukan debit atau kredit dalam e-Penyata, saya/kami akan dianggap sebagai telah menerima masukan tersebut yang dibuat sehingga tarikh masukan terakhir dalam e-Penyata sebagai betul dan konklusif dan dengan itu, menerima semua pengeluaran atau pendebitan lain dalam akaun itu sebagai betul.
- 4.1.2 Saya/Kami tidak akan selepas tamatnya tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar mempertikaikan apa-apa butiran dalam e-Penyata itu atas apa juga sebab tertakluk sentiasa bahawa Bank boleh membalikkan apa-apa butiran yang dikreditkan secara silap dalam akaun saya/kami. Seterusnya saya/kami mengaku janji untuk membayar balik semua catatan yang tersilap dikreditkan dalam akaun saya/kami itu dan menanggung rugi Bank bagi apa-apa kerugian yang Bank mungkin tanggung disebabkan oleh catatan kredit yang silap itu.
- 4.2 Saya/Kami mungkin meminta penyata fizikal yang berikut:
- 4.2.1 Bagi Akaun Simpanan-i dengan Kad Debit PB Lifestyle, saya/kami mungkin meminta penyata fizikal untuk dihantar ke alamat saya/kami yang terakhir didaftarkan dengan Bank tertakluk pada caj semasa Bank yang berkaitan.
- 4.2.2 Tiada penyata fizikal akan diberi bagi Penyata Akaun Simpanan-i.
- 4.2.3 Saya/Kami mungkin meminta penyata fizikal ad-hoc di kaunter tertakluk pada caj semasa Bank yang berkaitan.

5. **Hibah (Hadiah)**

- 5.1 Bank menjamin pembayaran deposit yang ada dalam kredit akaun ini. Saya/Kami/Organisasi tidak layak untuk apa-apa hibah (hadiah). Bagaimanapun, apa-apa hibah (hadiah) yang diberi oleh Bank adalah atas budi bicara Bank.

6. **Liabiliti**

- 6.1 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti bagi pihak saya/kami atau atas permohonan saya/kami, apa-apa dana atau sekuriti dan barang berharga lain milik saya/kami yang didepositkan dengan Bank dan dalam jagaan Bank hendaklah secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank. Bank boleh menyimpan dana atau sekuriti atau barang berharga tersebut yang ada pada Bank atau mana-mana pun daripadanya dan berhak untuk menolak cek-cek saya/kami sehingga liabiliti itu diselesaikan.
- 6.2 Dengan ini, saya/kami memberi keizinan kepada Bank untuk mendedahkan maklumat seperti yang mungkin diperlukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) menurut arahan saya/kami dan/atau kepada syarikat dalam Kumpulan Public Bank dan institusi-institusi kewangan lain bagi tujuan penilaian kredit yang *bona fide*.
- 6.3 Sekiranya Bank melantik atau terpaksa melantik peguamcara untuk menguatkuasakan mana-mana haknya di bawah ini atau sebaliknya sama ada melalui prosiding guaman atau apa-apa cara lain berkaitan dengan akaun saya/kami, saya/kami bertanggungjawab untuk membayar Bank semua kos, fi dan caj yang berkaitan dengannya dan Bank mempunyai hak untuk mendebit akaun tersebut bagi kos, fi dan caj berkenaan.
- 6.4 Saya/Kami bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan saya/kami akan menanggung rugi Bank sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada menanggung semua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh saya/kami atau Bank dengan mana-mana atau semua akaun Bank, atau berikutan pelaksanaan apa-apa arahan oleh Bank atau sekiranya mana-mana akaun bank saya/kami atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa rasmi.
- 6.5 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang saya/kami alami, seandainya Bank mematuhi atau tidak mematuhi arahan pembayaran yang dikeluarkan oleh saya/kami yang tidak lengkap atau tidak jelas atau sekiranya amaun deposit tidak mencukupi untuk membayar caj bank dan amaun yang dinyatakan dalam arahan sedemikian atau disebabkan oleh atau akibat daripada perniagaan atau operasi, yang terhalang atau terganggu disebabkan oleh kelewatan, pemalsuan tandatangan penandatanganan, dan/atau pemalsuan berikutan kecuaiannya saya/kami, permusuhan, terputusnya bekalan elektrik atau telekomunikasi atau sistem rangkaian komunikasi lain, rusuhan, sekatan, mogok, larangan, atau kerosakan mesin atau peralatan.
- 6.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan dengan syarat ia bukan disebabkan oleh kecuaiannya atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kos, kerugian, caj dan/atau ganti rugi yang saya/kami/Organisasi tanggung atau alami berkaitan dengan apa-apa kegagalan, gangguan atau kerosakan sistem atau infrastruktur yang digunakan oleh Bank.
- 6.7 Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Bank menurut mana-mana arahan yang kononnya ditandatangani oleh saya/kami atau wakil yang dibenarkan oleh saya/kami, merupakan pembayaran sepenuhnya dan Bank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti kepada saya/kami dan mana-mana pihak lain yang berkenaan.

7. Hak Untuk Mendebit Akaun

- 7.1 Saya/Kami, dengan ini bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebit akaun ini bagi apa-apa draf, wang pos dan kiriman pos atau apa-apa instrumen atau untuk apa-apa caj/perbelanjaan yang dikenakan berikutan daripadanya dan apa-apa fi atau komisen lain, atau untuk caj perkhidmatan yang berkenaan, fi pengendalian atau apa-apa fi atau caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dan diluluskan oleh BNM atau cukai lain yang berkenaan sama ada dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dikuatkuasakan dan yang boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh saya/kami.
- 7.2 Apabila Bank menerima notis bahawa dana telah dikreditkan atau dipindahkan dalam akaun saya/kami secara silap, salah atau melalui maklumat yang mengelirukan (dana tidak disengajakan) yang diberikan kepada pembayar dana tidak disengajakan itu, Bank berhak untuk dengan segera memegang dana tidak disasarkan itu. Saya/Kami bersetuju dan mengakui bahawa saya/kami tidak berhak untuk menggunakan apa-apa dana dalam akaun yang bukan milik saya/kami.
- 7.2.1 Saya/Kami mengakui bahawa tindakan boleh diambil terhadap saya/kami jika saya/kami didapati secara tidak jujur menyalah guna dana tidak disasarkan milik pembayar atau sekiranya saya/kami didapati terlibat dengan apa-apa tindakan penipuan (misalnya akaun keldai).
- 7.2.2 Bank akan memaklumkan kepada saya/kami tuntutan pembayar mengenai dana tidak disengajakan itu.

8. Hak Untuk Menolak Selesai

- 8.1 Saya/Kami bersetuju bahawa selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank sebagai jurubank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh, dengan notis awal selama tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun perbankan saya/kami dengan Bank dan liabiliti kepada Bank walau di mana pun berada dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah baki kredit yang terdapat dalam Akaun Simpanan-i ini atau untuk membayar apa-apa liabiliti kami kepada Bank sama ada liabiliti kepada Bank itu adalah pada masa ini, pada masa hadapan, sebenar, luar jangka, utama atau cagaran atau berasingan atau bersesama.
- 8.2 Sekiranya penggabungan, tolak selesai atau pindahan sedemikian memerlukan pertukaran satu mata wang kepada satu mata wang yang lain, pertukaran sedemikian hendaklah dikira pada kadar pertukaran semerta semasa Bank (seperti yang ditentukan secara muktamad oleh Bank) bagi pembelian mata wang yang saya/kami dipertanggungjawabkan dengan mata wang sedia ada yang telah ditukarkan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian berikutan pelaksanaan haknya ini.

9. Penutupan Akaun

- 9.1 Bank boleh menutup akaun ini atas apa juga sebab, tanpa apa-apa obligasi untuk memberi apa-apa sebab baginya dengan memberi notis selama empat belas (14) hari kepada saya/kami. Bank boleh mengeluarkan Cek Jurubank bagi keseluruhan baki yang ada dalam akaun, tolak kos pentadbiran sedemikian atau kos lain yang ditanggung oleh Bank dan boleh mengepos Cek Jurubank itu ke alamat terakhir saya/kami yang berdaftar dengan Bank.

10. Penggantungan Akaun

- 10.1 Akaun saya/kami dan/atau pengendalian akaun saya/kami mungkin ditutup, ditamatkan, digantung atau dibeku di bawah mana-mana keadaan yang berikut:
- 10.1.1 Kematian, hilang akal atau bankrap; dan/atau
- 10.1.2 Pelaksanaan apa-apa proses guaman atau perintah daripada mahkamah ke atas Bank terhadap akaun saya/kami.

11. Akaun Orang Di bawah Umur

- 11.1 Dengan ini, saya/kami mengesahkan dan bersetuju bahawa akaun ini bukan akaun amanah mahupun akaun bersama dengan orang di bawah umur. Saya/Kami ialah penjaga/ibu bapa kepada pemegang akaun orang di bawah umur dan bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami adalah pendeposit Bank.
- 11.2 Saya/Kami bersetuju bahawa apabila orang di bawah umur itu mencapai umur lapan belas (18) tahun, saya/kami bersama-sama dengan orang di bawah umur itu akan bersama-sama memberi arahan baharu dan memberi mandat bagi pengendalian akaun berkenaan. Sehingga mandat baharu diterima oleh pihak Bank, mandat sedia ada bagi pengendalian akaun tersebut akan terus berkuat kuasa.
- 11.3 Sekiranya saya/kami meninggal dunia sebelum orang di bawah umur tersebut mencapai umur lapan belas (18) tahun, akaun tersebut akan dibekukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan akaun tersebut hendaklah dirujuk kepada Wasi/Pentadbir Harta Pusaka saya/kami. Pihak Bank berhak untuk bertindak atas nasihat penasihat undang-undangnya. Kos dan perbelanjaan yang ditanggung akan didebitkan daripada akaun tersebut.
- 11.4 Sekiranya saya/kami atau orang di bawah umur beragama Islam, akaun tersebut tertakluk pada bidang kuasa Syariah.

12. Akaun Bersama

- 12.1 Kami, pemegang-pemegang akaun bersetuju bahawa sekiranya salah seorang pemegang akaun meninggal dunia, Bank dibenarkan untuk membayar baki yang terhutang dalam kredit akaun ini kepada mereka yang masih hidup dan pembayaran tersebut hendaklah merupakan bayaran yang sah oleh Bank akan jumlah yang perlu dibayar daripada akaun ini.

Kami secara bersesama dan berasingan bersetuju untuk menanggung rugi pada setiap masa daripada dan mengelakkan Bank daripada dan terhadap apa-apa prosiding, tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dibawa terhadap atau yang dialami atau ditanggung oleh Bank disebabkan oleh pembayaran baki kredit dalam akaun kepada pemegang akaun yang masih hidup.

- 12.2 Kami bersetuju dengan kaedah pengendalian akaun seperti yang dinyatakan dalam borang membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang disempurnakan oleh kami. Kami juga bersetuju dan mengakui bahawa mandat yang diberi berkaitan dengan pengendalian akaun ini boleh ditamatkan oleh salah seorang daripada kami dan Bank berhak untuk mengambil tindakan yang sama. Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak akan membenarkan apa-apa pengeluaran dibuat daripada akaun tersebut sehingga mandat baharu diterima daripada kami.
- 12.3 Kami, pemegang-pemegang akaun, bersetuju dan membenarkan Bank:
- 12.3.1 Untuk mengkreditkan dana dalam Akaun Bersama, sama ada secara tunai atau melalui pindahan dana elektronik, cek dan instrumen boleh niaga lain milik atau belum dibayar kepada mana-mana/salah seorang daripada kami. Sebagai balasan bagi di atas dan Bank bersetuju untuk meletakkan semua amaun yang diterima daripada Bank sama ada secara tunai atau melalui pindahan dana elektronik atau menggunakan cek dan instrumen boleh niaga lain atas nama mana-mana daripada kami/salah seorang daripada kami dalam kredit akaun bersama dan untuk menyerahkan apa-apa instrumen atau cek yang Bank mungkin pegang bagi akaun bersama tersebut kepada mana-mana/salah seorang daripada kami; dan
- 12.3.2 Untuk menerima pemberitahuan bertulis, dalam bentuk yang diterima oleh Bank, ditandatangani dengan sewajarnya dan dikemukakan oleh kami mengenai hasrat kami untuk menutup Akaun Bersama tersebut. Sekiranya kami tidak hadir di Bank, kami bersetuju bahawa Bank akan menutup Akaun Bersama itu setelah menerima notis pemakluman secara bertulis yang dikemukakan sendiri kepada Bank oleh salah seorang daripada kami. Selanjutnya, kami bersetuju dan mengakui bahawa apa-apa arahan daripada kami kepada Bank untuk menutup Akaun Bersama itu yang dikemukakan secara lisan atau melalui telefon, faksimile atau e-mel internet tidak akan diterima oleh Bank.

Dengan ini kami secara bersejajarnya dan berasingan mengaku janji untuk mengelakkan Bank walau bagaimana sekali pun daripada menanggung rugi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, tindakan, saman, ganti rugi, kos, caj, perbelanjaan dan liabiliti lain apa juga pun dan pada bila-bila masa pun yang dialami atau berikutan pemberian kuasa di atas, tertakluk pada hak Bank untuk menolak pada bila-bila masa dan atas budi bicara Bank untuk apa juga sebab apa-apa tunai, pindahan dana elektronik, cek atau instrumen deposit boleh niaga yang lain, atau oleh sebab Bank enggan untuk bertindak atau bertindak atas arahan kami untuk menutup Akaun Bersama itu dan membayar baki yang ada dalam Akaun Bersama sebagaimana yang diarahkan oleh kami.

13. Akaun Luar

- 13.1 Suatu akaun luar boleh dibuka oleh bukan pemastautin (iaitu orang, firma, institusi atau syarikat yang bukannya pemastautin).
- 13.2 Seorang bukan pemastautin tidak dibenarkan untuk membuka akaun pemastautin.
- 13.3 Sumber dan kegunaan dana dalam Akaun Luar adalah tertakluk pada peraturan-peraturan yang dikenakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Notis-notis Dasar Pertukaran Mata Wang Asing.

14. Cap Getah

- 14.1 Cetakan cap getah persatuan/kelab/pertubuhan mesti diletakkan pada borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank berserta tandatangan contoh orang yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun tersebut.

15. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

- 15.1 Deposit yang disenggara oleh saya/kami dalam Akaun ini dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000.00 bagi setiap pendeposit.
- 15.2 Wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans saya/kami tidak lagi dilindungi oleh PIDM, jika:
- 15.2.1 Tujuannya adalah bagi pembelian unit dalam skim unit amanah/pembukaan akaun simpanan dalam Lembaga Tabung Haji/pembukaan skim simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).
- 15.2.2 Ia adalah untuk pembelian atau untuk dipindahkan kepada:
- (a) Akaun deposit boleh dibayar di luar Malaysia;
 - (b) Akaun deposit yang dipegang oleh institusi kewangan yang menjalankan perniagaan perbankan di Labuan atau perniagaan perbankan Islam di Labuan;
 - (c) Akaun deposit yang dipegang oleh ahli bukan pengambil deposit PIDM; atau
 - (d) Akaun bukan deposit (termasuk tanpa pengehadan pada skim unit amanah, akaun perdagangan sekuriti, akaun pelaburan emas tetapi tidak termasuk produk takaful atau insurans).
- 15.3 Akaun Amanah
- 15.3.1 Saya/Kami sebagai pemegang amanah akaun ini mengakui bahawa kami saya/kami perlu menyediakan dan menyerahkan maklumat dan dokumen yang berikut kepada Bank mengikut klausa 3(1) Peraturan-peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan untuk Akaun Amanah dan Akaun Bersama) (Pindaan) 2022 ("Peraturan PIDM"):
- (a) Penyata yang menunjukkan bahawa deposit dalam akaun dipegang secara amanah oleh saya/kami;
 - (b) Nama, alamat dan kad pengenalan atau nombor pasport saya/kami atau apa-apa butir pengenalan lain yang dapat diterima oleh Bank; dan
 - (c) Butir-butir benefisiari bagi akaun tersebut.

15.3.2 Saya/Kami selaku pemegang amanah mengaku bahawa jika tujuan akaun berkenaan adalah untuk mana-mana skim e-wang, saya/kami perlu menyediakan dan menyerahkan maklumat dan dokumen yang berikut kepada Bank mengikut klausa 3(2) Peraturan PIDM:

- (a) Penyata yang menunjukkan bahawa deposit dalam akaun dipegang secara amanah oleh saya/kami;
- (b) Apa-apa dokumen sokongan yang diterima oleh Bank yang menunjukkan bahawa:
 - (i) Deposit dalam akaun dipegang secara amanah oleh saya/kami bagi tujuan skim e-wang; dan
 - (ii) Pengeluar wang elektronik/e-wang ialah pengeluar wang elektronik/e-wang yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- (c) Nama, alamat dan kad pengenalan atau nombor pasport saya/kami atau apa-apa butir pengenalan saya/kami yang dapat diterima oleh Bank.

15.3.3 Saya/Kami mengaku janji bahawa:

- (a) Saya/Kami akan memaklumkan pada Bank dengan segera sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada maklumat dan/atau dokumen yang diserahkan kepada Bank; dan
- (b) Sekiranya Bank meminta apa-apa maklumat dan/atau dokumen mengikut Peraturan PIDM, saya/kami perlu menyerahkan maklumat dan/atau dokumen berkenaan kepada Bank dengan segera.

15.3.4 Sekiranya saya/kami gagal mematuhi klausa di atas, Bank berhak menggantung dan/atau menutup akaun tersebut.

16. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Garis Panduan BNM Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk

16.1 Saya/Kami memahami dan mengakui bahawa menurut Seksyen 146 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam ("APKI") 2013, Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan maklumat mengenai hal-ehwal akaun perbankan atau pengendaliannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami) kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membenarkan Bank dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka dan dengan ini saya/kami memberi kebenaran tidak boleh ubah kepada Bank dan membenarkan Bank untuk memberi maklumat yang berkaitan kepada mana-mana penjamin (penjamin-penjamin)/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti yang Bank mengikut budi bicara boleh tentukan atau menganggap wajar untuk membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka.

17. Notis Perlindungan Data dan Keizinan

- 17.1 Saya/Kami maklum bahawa Notis Privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi saya/kami dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan Bank.
- 17.2 Saya/Kami maklum mengenai tujuan Bank untuk memaklumkan kepada saya/kami mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan Syarikat Gabungannya. Senarai Syarikat Gabungan Bank boleh didapati dalam Notis Privasi Bank.
- 17.3 Saya/Kami memahami bahawa saya/kami berhak untuk mendapat akses kepada dan untuk memohon agar pembetulan dibuat pada maklumat peribadi saya/kami yang ada pada Bank dan bahawa saya/kami boleh memaklumkan kepada Bank untuk tidak lagi menggunakan maklumat peribadi saya/kami bagi tujuan yang dinyatakan dalam klausa 17.2 di atas dan bahawa permintaan seumpama ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun saya/kami atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

18. Akta Wang Tidak Dituntut 1965

- 18.1 Saya/Kami maklum mengenai peruntukan dalam Akta Wang Tidak Dituntut 1965, dalam mana akaun deposit saya/kami akan dikelaskan sebagai wang tidak dituntut selama tujuh (7) tahun dari tarikh urus niaga terakhir yang dikendalikan oleh saya/kami, dan dengan itu dana dalam akaun itu hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.
- 18.2 Saya/Kami bersetuju untuk pergi sendiri ke Bank sebelum tamatnya tempoh tujuh (7) tahun yang tersebut di atas untuk membuat urus niaga pengeluaran atau pendepositan bagi mengaktifkan semula akaun tersebut. Sebagai balasan kepada pihak Bank kerana bersetuju dengan permohonan saya/kami, saya/kami bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank daripada apa-apa juga liabiliti kerana kelewatan/ketinggalan/kesilapan dalam melaksanakan arahan saya/kami di atas.
- 18.3 Sekiranya saya/kami gagal untuk mengaktifkan semula akaun tersebut, saya/kami maklum bahawa Bank akan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari sebelum mengatur untuk memindahkan dana dalam akaun tersebut kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

19. **Standard Pelaporan Biasa (CRS) dan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)**

19.1 “**CRS**” ialah Undang-undang Percukaian Biasa mengenai Pertukaran Maklumat secara Automatik yang diperkenalkan oleh Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk bertukar-tukar maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin. CRS menghendaki Public Bank Berhad dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya termasuk subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan dan cawangan (Kumpulan PBB), mana-mana yang berkenaan, untuk mengumpul maklumat akaun kewangan yang dipegang oleh bukan pemastautin atau rakyat Malaysia yang merupakan pemastautin cukai asing untuk melaporkan maklumat berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan untuk bertukar-tukar maklumat kewangan pelanggan dengan wilayah bidang kuasa kena lapor CRS pada setiap tahun.

19.2 “**FATCA**” ialah undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) yang memerlukan Kumpulan PBB yang mengambil bahagian dalam aturan FATCA sama ada melalui Perjanjian Antara Kerajaan atau melalui Perjanjian Institusi Kewangan Asing untuk melaporkan maklumat akaun yang berkaitan dengan Orang A.S. menerusi LHDNM/pihak berkuasa percukaian yang berkaitan atau terus kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS) pada setiap tahun.

Dalam mencapai matlamat penguatkuasaan dan pematuhan pada undang-undang cukai FATCA dan CRS, Kumpulan PBB bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat peribadi tambahan pelanggan, persijilan dan dokumen daripada semua pelanggan individu yang mempunyai hubungan perniagaan dan urusan dengan Kumpulan PBB. Maklumat sedemikian boleh diperoleh semasa akaun dibuka atau pada bila-bila masa selepas itu, terutamanya sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan.

19.3 Saya/Kami bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari sekiranya terdapat perubahan pada maklumat saya/kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pertukaran alamat kediaman/perniagaan, nombor telefon, kerakyatan, maklumat pengenalan cukai peribadi, pemilikan syarikat dsbnya. Saya/Kami akan mengemukakan kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan, dokumen yang diperlukan bagi membuktikan perubahan tersebut dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh perubahan.

19.4 Dengan ini saya/kami secara khusus mengizinkan Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan untuk mendedahkan maklumat percukaian saya/kami bagi tujuan pelaporan CRS dan FATCA yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Nombor Pengenalan Cukai (TIN) saya/kami kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang lain bagi tujuan untuk memastikan pematuhan Bank dan Kumpulan PBB kepada undang-undang yang diterima pakai dan peraturan-peraturan di bawah FATCA dan CRS.

19.5 Dengan ini saya/kami mengesahkan bahawa:

19.5.1 Saya/Kami akan mematuhi semua kewajipan saya/kami di bawah klausa 19.3 dan 19.4 di atas;

19.5.2 Semua maklumat yang diberikan oleh saya/kami dalam bentuk borang dan dokumen adalah lengkap dan/atau diberi kepada Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan adalah benar, betul, boleh dipercayai dan terkini; dan

19.5.3 Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB dibenarkan untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan saya/kami kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan seperti yang diperlukan.

19.6 Dengan ini saya/kami mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya saya/kami enggan, gagal dan/atau abai dalam mengemas kini rekod saya/kami dengan Bank atau Kumpulan PBB atau mematuhi keperluan FATCA dan/atau CRS dan/atau memberi maklumat palsu, tidak betul, tidak tepat atau lapuk kepada Bank atau Kumpulan PBB, Bank atau Kumpulan PBB mana yang berkenaan berhak untuk melaksanakan yang berikut:

19.6.1 Menutup akaun saya/kami dengan Bank dan apa-apa akaun yang saya/kami ada dengan Kumpulan PBB;

19.6.2 Enggan memberi perkhidmatan baharu, mana yang berkenaan, kepada saya/kami; dan

19.6.3 Memberi maklumat akaun saya/kami kepada LHDNM atau mana-mana pihak berkuasa percukaian yang berkaitan dalam memenuhi kewajipan FATCA dan CRS Bank atau Kumpulan PBB, mana yang berkenaan.

19.7 Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami akan mendapatkan nasihat guaman bebas mengenai kewajipan saya/kami di bawah FATCA dan CRS dan akan memastikan pematuhan sepenuhnya kepada nasihat itu dan selanjutnya mengesahkan bahawa Bank atau mana-mana anggota dalam Kumpulan PBB tidak berkewajipan untuk memberi nasihat guaman dan/atau cukai mengenai perkara tersebut.

20. **Undang-undang Syariah**

20.1 Qard merujuk kontrak yang dibuat antara saya/kami (pemberi pinjam) dengan Bank (peminjam) yang mana Bank akan menjamin pembayaran balik berkenaan. Saya/Kami/Wakil Organisasi akan memberi keizinan saya/kami kepada Bank untuk menguruskan kesemua atau sebahagian daripada wang yang terdapat dalam kredit akaun saya/kami dalam apa jua cara sebagaimana yang Bank menganggap wajar selagi menurut prinsip Syariah. Dengan itu, Bank menjamin pembayaran semula keseluruhan deposit atau mana-mana bahagian daripadanya yang terdapat dalam baki kredit akaun saya/kami apabila diminta. Hibah (hadiah) (jika ada) bergantung pada budi bicara Bank.

20.2 Pengendalian akaun akan tertakluk pada bentuk perniagaan atau pekerjaan saya/kami yang tidak bercanggah dengan Undang-undang dan Prinsip Syariah. Bank boleh menutup akaun tersebut jika bentuk perniagaan atau pekerjaan saya/kami berubah daripada aktiviti halal kepada aktiviti haram.

20.3 Bank berhak untuk menolak apa-apa bentuk DEPOSIT yang diperoleh daripada sumber yang haram di bawah Undang-undang Syariah.

21. Kad Debit PB Lifestyle (Pemohon Individu Sahaja)

- 21.1 Saya/Kami mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan lengkap dan membenarkan Bank untuk mengesahkan daripada apa-apa sahaja sumber yang difikirkan sesuai oleh Bank termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri dan seterusnya untuk cuba memperoleh dan mendapatkan maklumat kredit berkaitan dengan permohonan saya/kami ini daripada mana-mana sumber dan dengan apa juga cara. Saya/Kami mengakui bahawa kad saya/kami itu hanya boleh digunakan tertakluk pada Terma dan Syarat Perjanjian Ahli Kad Debit PB Lifestyle dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syaratnya. Saya/Kami bersetuju untuk membayar fi tahunan semasa apabila kad diluluskan dan akan menerima liabiliti bersesama dan berasingan bagi semua caj pada Akaun (Akaun-akaun) saya/kami dengan Bank. Bank akan meluluskan atau menolak permohonan saya/kami tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 21.2 Saya/Kami mengesahkan telah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Debit PB Lifestyle dan dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat Kad Debit PB Lifestyle adalah mengikat ke atas saya/kami.
- 21.3 Sekiranya saya/kami perlu menutup akaun saya/kami atau berlakunya apa-apa perubahan dalam apa juga bentuk lain, dengan ini saya/kami mengaku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera dan memulangkan dengan segera Kad Debit PB Lifestyle kepada cawangan yang mengeluarkan kad untuk pembatalan/penamatan serta-merta.
- 21.4 Sekiranya saya/kami gagal untuk memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera mengenai apa-apa perubahan terhadap cara pengendalian akaun saya/kami, saya/kami tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh saya/kami. Saya/Kami mengaku janji bahawa saya/kami akan, pada setiap masa selepas itu, menanggung rugi Bank (pemegang hak milik yang kemudiannya dan penerima serah haknya) sepenuhnya dan terus menanggung rugi Bank bagi semua liabiliti berkaitan dengannya dan bagi semua tindakan saman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kos, ganti rugi dan apa juga perbelanjaan lain yang mungkin diambil atau dibuat terhadap Bank atau yang ditanggung oleh Bank berikutan daripadanya.

22. Pemberitahuan Mengenai Penggunaan Kad Debit PB Lifestyle

- 22.1 Saya/Kami bersetuju bahawa apabila saya/kami menggunakan Kad Debit PB Lifestyle saya/kami di rangkaian perniagaan runcit, sejumlah wang yang bersamaan dengan jumlah pembelian yang terkumpul akan dipegang daripada Akaun Simpanan-i saya/kami sehingga urusan niaga tersebut dijelaskan oleh Bank.
- 22.2 Saya/Kami akan memastikan baki yang ada dalam Akaun Simpanan-i saya/kami mencukupi untuk menampung pembelian yang hendak dibuat dengan menggunakan Kad Debit PB Lifestyle saya/kami.
- 22.3 Had pembelian runcit harian yang ditetapkan akan ditentukan oleh Bank. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk mengubah had pembelian runcit melalui Perbankan dalam Talian Public Bank atau mana-mana Mesin Teler Automatik (ATM) atau Mesin Kitar Semula Wang (CRM) Bank atau Public Bank Berhad (PBB) tertakluk pada had maksimum yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 22.4 Had pengeluaran tunai harian ATM dan CRM yang ditetapkan akan ditentukan oleh Bank. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk mengubah had pengeluaran melalui mana-mana ATM atau CRM Bank atau PBB tertakluk pada had maksimum yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 22.5 Sebelum membuat apa-apa urusan niaga pengeluaran wang tunai melalui ATM di luar negara, saya/kami akan memastikan bahawa pengaktifan kad dilaksanakan melalui Perbankan dalam Talian Public Bank, mana-mana ATM atau CRM Bank atau PBB atau dengan menghubungi Pusat Terminal Layan Diri melalui nombor telefon seperti yang terdapat dalam laman web Bank.
- 22.6 Sesetengah urusan niaga "Tanpa Kad (CNP)" (seperti urusan niaga dalam talian yang tidak dilindungi, pesanan mel, pesanan telefon dan urusan niaga berulang/debit auto) dan semua "Urus niaga runcit di luar negara" ditakbolehkan (Pilih Keluar) secara automatik bagi Kad Debit PB Lifestyle. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk membolehkan (Pilih Masuk) atau kemudiannya mentakbolehkan (Pilih Keluar) urusan niaga ini melalui Perbankan Dalam Talian Public Bank, mana-mana ATM atau CRM Bank atau PBB atau menghubungi Perkhidmatan Kad PB melalui nombor telefon seperti yang terdapat dalam laman web Bank.
- Bagi mengelakkan keraguan, urusan niaga CNP bagi urusan niaga dalam talian yang dilindungi masih boleh dibuat apabila CNP ditakbolehkan (Pilih Keluar).
- 22.7 Had terkumpul urusan niaga tanpa PIN yang ditetapkan bagi Visa payWave/MasterCard PayPass/MyDebit Contactless akan ditentukan oleh Bank. Bagaimanapun, saya/kami dibenarkan untuk mengubah had terkumpul tersebut melalui Perbankan dalam Talian Public Bank atau mana-mana ATM atau CRM Bank atau PBB tertakluk pada had maksimum yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Saya/Kami dikehendaki membuat urusan niaga dengan memasukkan PIN untuk menetapkan semula had terkumpul tersebut apabila mencapai had terkumpul berkenaan.

23. Perkhidmatan e-Perbankan

- 23.1 Saya/Kami yang merupakan individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas akan diberi Perkhidmatan e-Perbankan Bank, tertakluk pada syarat yang dikenakan oleh Bank dan penerimaan oleh saya/kami akan terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank.
- 23.2 Saya/Kami bersetuju bahawa penggunaan, akses kepada dan penamatan Perkhidmatan e-Perbankan Bank adalah tertakluk pada terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian dan Perbankan Mudah Alih Public Bank yang boleh didapati melalui laman web Bank.

24. Notis dan Komunikasi

- 24.1 Saya/Kami akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat. Segala surat-menyurat yang dihantar melalui pos oleh Bank yang dialamatkan atau dihantar ke alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank dianggap sebagai telah dihantar kepada saya/kami.

- 24.2 Semua notis dan komunikasi kepada saya/kami akan dihantar secara bertulis dan boleh dihantar melalui e-mel internet atau dipamerkan di premis dan melalui laman web Bank. Apa-apa proses undang-undang boleh dihantar kepada saya/kami melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir saya/kami yang didaftarkan dengan Bank dan hendaklah dianggap telah dihantar dengan sewajarnya dan diterima oleh saya/kami.
- 24.3 Bank boleh mengenakan levi atau mengubah apa-apa fi dan caj dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu itu di premis dan melalui laman web Bank.

25. Perakuan

- 25.1 Saya/Kami dikehendaki menyempurnakan dan melengkapkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang akan menjadi sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.

26. Dasar Antisogokan dan Antirasuah Bank

- 26.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antisogokan dan Antirasuah ("Dasar ABAC") yang menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa jua bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC ini, sila layari laman web Bank.
- 26.2 Saya/Kami hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 26.3 Bank berhak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang diberikan kepada saya/kami dengan serta-merta sekiranya saya/kami didapati melanggar Dasar ABAC itu atau didapati terlibat dengan apa-apa amalan sogokan atau rasuah.

27 Force Majeure

- 27.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan kewajipannya di bawah terma dan syarat ini berikutan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada:
- 27.1.1 Sebarang peralatan, sistem atau pautan transmisi yang rosak atau gagal untuk berfungsi;
- 27.1.2 Sebarang kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, bencana alam, ketentuan Tuhan, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;
- 27.1.3 Sebarang kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, bekalan air dan minyak; atau
- 27.1.4 Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan kewajipannya di bawah terma dan syarat ini,
- 27.2 Bank tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang saya/kami/Organisasi mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

28. Lain-Lain

- 28.1 Saya/Kami mengaku bahawa sebelum atau pada masa akaun dibuka, saya/kami tidak:
- 28.1.1 Melakukan apa-apa tindakan kemufilsan; dan/atau
- 28.1.2 Tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen pembubaran atau ketidakmampuan bayar yang dibuat atau dikemukakan terhadap saya/kami.
- Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa sekiranya saya/kami melanggar mana-mana yang tersebut di atas, Bank boleh pada bila-bila masa untuk menutup akaun ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.
- 28.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank dan menurunkan cap getah organisasi, saya/kami mengesahkan bahawa saya/kami telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat ini, Notis Mandat (sekiranya ada) dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan apa-apa pindaan atau perubahan padanya yang Bank mungkin perkenalkan, semak, ubah atau ganti kemudiannya yang boleh didapati melalui laman web Bank dan/atau pada papan kenyataan di cawangan-cawangan dan/atau yang mungkin diberitahu melalui apa juga cara lain yang diluluskan.
- 28.3 Saya/Kami selanjutnya bersetuju bahawa dengan terus mengekalkan dan menyenggara akaun saya/kami selepas tarikh kuat kuasa pindaan atau perubahan yang dibuat, saya/kami menerima pindaan dalam Terma dan Syarat yang hendaklah mengikat ke atas saya/kami.
- 28.4 Dengan ini, saya/kami bersetuju untuk menanggung rugi Bank sebagai bank pemungut bagi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan apa-apa liabiliti dan pada bila-bila masa yang Bank mungkin alami bagi apa-apa cek, bil, nota, draf, waran dividen atau instrumen lain yang dikemukakan oleh saya/kami untuk pemungutan dan hendaklah diterima dan difahami sebagai telah dipungut atas permintaan kami secara lisan bagi setiap kes untuk kredit akaun saya/kami.
- 28.5 Saya/Kami bersetuju dan mengaku janji:
- 28.5.1 Untuk tidak mendedahkan identiti laluan (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang, melalui e-mel, panggilan telefon atau melalui laman web yang tidak dikenali selain daripada laman web rasmi Bank dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mendapatkan kod laluan/kata laluan dan memastikan peranti keselamatan dilindungi pada setiap masa; dan

- 28.5.2 Untuk memeriksa semua mesej pantas urus niaga tepat pada waktunya dan untuk menyemak baki akaun, penyata mana-mana akaun bank atau instrumen pembayaran yang ditentukan secara kerap, untuk mengesan urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan, dan untuk melaporkan kepada Bank dan pengeluar instrumen pembayaran secepat mungkin yang munasabah sekiranya urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.
- 28.6 Selanjutnya, saya/kami mengaku janji untuk melaporkan mengenai kod laluan/kata laluan yang telah diterobos atau mengenai kehilangan peranti keselamatan kepada Bank secepat mungkin yang munasabah, sebaik sahaja menyedari mengenai penerobosan atau kehilangan tersebut dan mengaku janji untuk melaporkannya dengan segera kepada Bank mengenai kesilapan atau percanggahan yang terdapat dalam mana-mana penyata atau masukan. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa maklumat secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkenaan dengan masukan debit atau masukan kredit dalam penyata tersebut, saya/kami akan dianggap sebagai telah menerima masukan berkenaan yang dibuat sehingga tarikh akhir masukan dalam penyata tersebut sebagai betul dan konklusif dan, dengan itu, menerima kesemua pengeluaran atau debit lain dalam akaun ini.
- 28.7 Dengan ini, saya/kami tanpa boleh batal memberi kepada Bank untuk mengendalikan rekod Bank mengenai apa-apa urus niaga yang dilaksanakan melalui akaun tersebut termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa urus niaga yang dikatakan dilaksanakan melalui pesanan mel, pesanan telefon, internet dan terminal layan diri daripada mana-mana sumber yang dikatakan daripada saya/kami sebagai bukti urus niaga yang dibuat dengan sempurna oleh saya/kami dan untuk mendebit akaun tersebut bagi pembayaran urus niaga tersebut walaupun urus niaga berkenaan mungkin tidak dibenarkan oleh saya/kami dan seterusnya walaupun kebenaran itu atau rekod untuk mendebit akaun seperti yang dinyatakan di atas mungkin tidak mempunyai tandatangan saya/kami.
- 28.8 Bank berhak:
- 28.8.1 Untuk mengubah, meminda atau menyemak apa-apa Terma dan Syarat dalam ini, ciri-ciri dan manfaat akaun tersebut dengan memberi saya/kami notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan pindaan dan ciri-ciri serta manfaat baharu tersebut di premis dan laman web Bank;
- 28.8.2 Untuk menghalang pengendalian akaun ini, jika Bank mengesyaki bahawa akaun tersebut digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 28.9 Terma dan syarat dalam ini akan tertakluk pada peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan apa-apa pengubahsuaian lain padanya atau apa-apa arahan daripada BNM atau sebagaimana yang diarahkan dan dikehendaki oleh badan kawal selia.
- 28.10 Saya/Kami mengizinkan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan kepada BNM, pihak berkuasa/badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, penjamin/pihak sekuriti, dan/atau peguamnya atau ejen pemungut hutang apa-apa maklumat berkaitan dengan hal-ehwal saya/kami, akaun perbankan atau pengendaliannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami) setakat mana dan bagi tujuan yang diperlukan.
- 28.11 Undang-undang dan peraturan di atas mengawal selia peraturan am bagi pembukaan dan pengendalian Akaun Simpanan-i dan mungkin berubah bergantung kepada jenis produk Akaun Simpanan-i.

Terma dan Syarat Khusus

1. Akaun Simpanan-i

- 1.1 Bank akan menerima sejumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang kemudiannya didepositkan dalam Akaun Simpanan-i atas prinsip Qard dan saya/kami bersetuju untuk memberi keizinan kepada Bank untuk berurusan dengan kesemua atau sebahagian daripada wang yang terdapat dalam kredit akaun saya/kami dengan cara yang Bank akan tentukan. Bank menjamin pembayaran kesemua atau mana-mana bahagian daripadanya yang terdapat dalam kredit akaun saya/kami apabila diminta.

2. Akaun Simpanan-i Bestari

- 2.1 Akaun Simpanan-i ini adalah untuk Orang Di bawah Umur di bawah lapan belas (18) tahun sahaja.
- 2.2 Bank akan menerima sejumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang kemudiannya didepositkan dalam Akaun Simpanan-i atas prinsip Qard dan bersetuju untuk memberi keizinan kepada Bank untuk berurusan dengan kesemua atau sebahagian daripada wang yang terdapat dalam kredit akaun saya/kami dengan cara yang Bank akan tentukan. Bank menjamin pembayaran kesemua atau mana-mana bahagian daripadanya yang terdapat dalam kredit akaun saya/kami apabila diminta.

3. Akaun Simpanan-i PB MySalary

- 3.1 Akaun Simpanan-i ini adalah untuk pengkreditan gaji kakitangan.
- 3.2 Individu (peribadi atau bersama) berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas layak membuka akaun.
- 3.3 Bank berhak untuk menukar Akaun Simpanan-i PB MySalary ini kepada Akaun Simpanan-i Bank sekiranya tiada urus niaga pengkreditan dibuat dalam Akaun Simpanan-i PB MySalary untuk tempoh berterusan selama tidak kurang daripada tiga (3) bulan.
- 3.4 Penukaran akaun daripada Akaun Simpanan-i lain kepada Akaun Simpanan-i PB MySalary tidak dibenarkan.

Jika berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan antara teks Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

[RUANG SELEBIHNYA PADA HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]